

03/11/1997

Peniaga digesa kikis sikap negatif

BATU PAHAT, Ahad - Persatuan Peniaga dan Pengusaha Bumiputera Batu Pahat (Pnubra) meminta peniaga supaya tidak hanya menjalankan perniagaan kecil-kecilan, sebaliknya berusaha menceburi bidang perniagaan lebih besar.

Sikap negatif seperti itu wajar dikikis dan peniaga Bumiputera hendaklah menceburi bidang perniagaan lain, yang mampu memberikan pulangan lebih menguntungkan.

Pengerusi Pnubra, Jaafar Mahmud, berkata saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Bumiputera merebut peluang perniagaan yang ada berikutan ramai usahawan besar membuat pelaburan di negara ini, perlu diambil perhatian.

Selain itu, beliau turut meminta peniaga Bumiputera mengelakkan sikap sambil lewa dalam pengurusan perniagaan masing-masing hingga menyebabkan mengalami kerugian serta gagal melunaskan pinjaman.

Menurutnya, tindakan itu menyebabkan pelbagai masalah timbul sehingga tidak mampu diselesaikan bersendirian dan akhirnya merujuk kepada persatuan bagi mendapatkan bantuan dan pandangan.

"Untuk mencapai kejayaan, peniaga perlu belajar daripada kesilapan dan jadikan ia sebagai pengajaran, serta ilmu itu perlu diturunkan kepada rakan lain untuk kepentingan bersama," katanya, di sini.

Jaafar juga menggesa supaya perpaduan di kalangan peniaga Bumiputera dipertingkatkan bagi memastikan dunia perniagaan diceburi mencapai kejayaan, terutama menjelang abad 21 supaya setanding dengan bukan Bumiputera.

(END)